

TARIKH	ISNIN, 19 FEBRUARI 2024
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	LADANG BABI CEMAR 2 SUNGAI DIARAH TUTUP SERTA-MERTA
M/S	17
BIDANG	ENVIRONMENT
KATA KUNCI	POLLUTION

# Ladang babi cemar 2 sungai diarah tutup serta-merta

JAS Kedah kesan operasi haram lepaskan sisa ternakan dari beberapa kolam

Oleh M Hifzuddin Ikhsan dan Nur Izzati Mohamad  
bhnews@bh.com.my

**Bukit Mertajam:** Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Pulau Pinang sudah mengarahkan operasi sebuah ladang babi di Sungai Lembu di sini, ditutup serta-merta selepas Jabatan Alam Sekitar (JAS) Kedah mengesan berlaku kegiatan melepaskan sisa ternakan haiwan itu yang menyebabkan pencemaran Sungai Kulim dan Sungai Air Merah.

Pengerusi Jawatankuasa Agroteknologi, Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi negeri, Fahmi Zainol, berkata arahan itu dikeluarkan selepas semakan mendapati ladang terbabit gagal memperoleh lesen secara sah untuk beroperasi.

"JPV keluaran arahan mengosongkan ladang, selain meminta jadual pergerakan babi dari ladang itu ke rumah sembelih.

"Jumlah babi di ladang ini banyak dan perlu dilaksanakan berperingkat, penternak juga mendapati tidak mahu mengikut arahan ditetapkan.

"JPV akan mengambil tindakan mengikut enakmen sedia ada terhadap penternak itu dan satu kompaun akan dikeluarkan," katanya mengulas isu pelepasan sisa ternakan babi yang dikesan JAS Kedah.

Fahmi berkata, Bahagian Kawal Selia Air (BKSA) juga akan memantau lokasi yang dilaporkan.

Terdahulu, JAS Kedah mengesan kegiatan melepaskan sisa babi disyaki dari ladang perkampungan Sungai Lembu, Seberang Perai Tengah (SPT), Pulau Pinang yang menyebabkan pencemaran Sungai Kulim dan Sungai Air Merah.

Pengarahnya, Sharifah Zakiah Syed Sahab, dilaporkan berkata, pihaknya menerima maklumat pencemaran itu Jumaat lalu, sebelum pegawai penyiasat JAS Cawangan Kulim digerakkan bagi mengesan punca kejadian.

Katanya, pemeriksaan lapangan dilakukan pegawai penyiasat meliputi kawasan hulu sungai berjaya mengesan aliran air hitam dari Sungai Air Merah mengalir masuk ke Sungai Kulim.

## Dron kesan pelepasan sisa

"Pasukan penyiasat bertindak menyusuri Sungai Air Merah dan turut melakukan pemantauan menggunakan dron di sepanjang Sungai Air Merah.

"Pemantauan melalui dron di sepanjang Sungai Air Merah mengesan punca pelepasan air hitam itu disyaki berpunca dari pelepasan efluen atau air sisa daripada aktiviti penternakan babi di perkampungan Sungai



Aliran air hitam dari kolam ladang ternak babi di Sungai Lembu, Seberang Perai Tengah disyaki cemari Sungai Air Merah dan Sungai Kulim.

(Foto ihsan JAS Kedah)

Lembu, SPT, Pulau Pinang.

"Pemeriksaan lanjut di sekitar kawasan penternakan babi mendapati beberapa kolam yang melepaskan efluen ke Sungai Air Merah yang kemudian memasuki Sungai Kulim.

"Jarak antara kawasan penternakan ke pertemuan Sungai Air Merah-Sungai Kulim kira-kira tiga kilometer (km).

"Untuk rekod, terdapat Loji Rawatan Air (LRA) Toh Allang di Sungai Kulim yang membekalkan air bagi Pulau Pinang dan loji ini terletak kira-kira 7km dari pertemuan Sungai Kulim dan Sungai Air Merah," katanya dalam kenyataan kelmari.

Sementara itu, Pengarah JAS

Pulau Pinang, Norazizi Adinan, berkata pihaknya turun lapangan sejak kelmari dan siasatan diteruskan hingga semalam.

"Lima lokasi diambil sampel oleh JAS Pulau Pinang dan jika aduan berasas, tindakan susulan termasuk tindakan perundangan akan dikenakan terhadap pemilik kandang babi itu.

"Semua pihak yang mempunyai kuasa perundangan akan diminta untuk mengambil tindakan mengikut kuasa masing-masing.

"JAS mempunyai kuasa terhadap ladang ternakan kerana tiada kuasa khusus untuk pencemaran dari ladang ternakan," katanya.